

# **EAT208 Perundangan, Kesihatan & Keselamatan Persekutaran**

*Oleh Roslaili Abd Aziz*

*Pensyarah*

Pada 10 April 2009, telah diadakan satu sesi ceramah oleh pensyarah pelawat dari National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) kepada para pelajar tahun dua PPKAS. Ceramah ini diadakan sebagai lanjutan daripada pembelajaran EAT208 dan disampaikan oleh Encik Sham @ Zahary Sudin. Beliau merupakan Pengurus

NIOSH Cawangan Utara yang beroperasi di Pulau Pinang. Dalam ceramah yang berjalan selama dua jam itu, pelajar telah didedahkan dengan objektif NIOSH ditubuhkan di Malaysia iaitu untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. NIOSH Malaysia mula ditubuhkan pada 1 Disember 1992, dengan tujuan meningkatkan budaya kerja yang lebih selamat. NIOSH turut menyediakan perkhidmatan latihan, forum, konsultasi, penyelidikan dan pembangunan, dan turut menawarkan Diploma Eksekutif dan Sarjana Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Pada sesi petang pula, satu diskusi bersama para pensyarah, jurutera pengajar dan pelajar sarjana diadakan. Perbincangan selama sejam itu melibatkan bidang kerja NIOSH serta prosedur-prosedur yang perlu dipatuhi semasa bekerja di makmal. Diharapkan sesi ceramah dan perbincangan seperti ini akan berterusan dan diperluaskan lagi kepada bidang penyelidikan di PPKAS.